

NILAI DAN ETIKA PENGURUSAN: ANALISA DARI PERSPEKTIF AGAMA-AGAMA DI MALAYSIA.¹

Ahmad Bashir Aziz
Jabatan Pentadbiran Muamalat
Fakulti Pengurusan Perniagaan,
Universiti Utara Malaysia
bashir@uum.edu.my

ABSTRAK

Setiap agama yang wujud di atas mukabumi ini samada bersifat agama samawi (agama yang datang berasaskan wahyu dari Tuhan) dan agama budaya (agama yang lahir berasaskan pengalaman tokoh dan kehidupan) semuanya menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkar. Bertitik tolak dari fakta ini, kertas kerja ini akan menganalisa secara deskriptif pendekatan pelbagai agama yang dominan di Malaysia khususnya berkaitan dengan persoalan nilai dan etika pengurusan. Ajaran agama yang berkaitan sistem nilai ini akan dibahas dan dibuat perbandingan bagi menampakkan persamaan dalam persoalan etika kerja. Pengharmonian antara ajaran agama ini akan dianalisa dalam bahagian terakhir sebagai langkah membuktikan bahawa etika adalah universal dan penghayatan nilai agama dalam pengurusan adalah yang terbaik dalam menyelesaikan persoalan pelanggaran etika dalam pengurusan dan sebagainya.

1. Pengenalan

Nilai dan etika adalah elemen penting dalam pengurusan dan pentadbiran. Perkara ini diakui oleh ahli sejarah dan tokoh falsafah sains sosial sebagai faktor penting dalam mengawal kegiatan yang tidak bertanggungjawab. Di Malaysia, kesedaran masyarakat terhadap ketidakpuasan terhadap amalan yang tidak bermoral dalam pengurusan merupakan fenomena yang agak baru. Menyedari hakikat bahawa kecemerlangan pengurusan adalah bergantung kepada sejauhmana beretikanya kakitangan dalam perkhidmatan, khususnya dalam mencapai wawasan negara, maka kerajaan telah memperkenalkan pelbagai slogan dan akta untuk mencapai matlamat tersebut.² Penerapan nilai-nilai Islam adalah yang terpenting diberikan perhatian, kerana pelanggaran etika sering dikaitkan dengan persoalan keperihatinan terhadap agama. Persoalannya, adakah persoalan etika hanya dikhususkan kepada kakitangan beragama Islam semata dan tidak melibatkan penganut agama lain. Oleh yang demikian, kertas kerja ini bertujuan untuk menjawab persoalan tersebut disamping menjelaskan bahawa etika atau moral merupakan sesuatu yang universal dan serasi dengan semua agama. Perbincangan adalah merujuk kepada beberapa agama yang dominan di Malaysia. Pendekatan perbandingan khusus berkaitan etika akan dikemukakan bagi

¹ Kertas kerja ini dibentangkan di Seminar Nilai dalam Komuniti (SIVIC) anjuran Jabatan Pengajian Umum, Universiti Utara Malaysia pada 4 dan 5 September 2004.

² Antara slogan yang berpengaruh seperti Kepimpinan Melalui Teladan, Bersih Cekap dan Amanah, Dasar Pandang Ke Timur, dan Penerapan Nilai-Nilai Islam. Lihat *Dasar-Dasar Utama Kerajaan Malaysia*. INTAN, Kuala Lumpur.

menampakkan persamaan sekaligus menjelaskan bahawa etika dan etika pengurusan Islam adalah bersifat sejagat (universal).

Malaysia adalah sebuah negara yang mengandungi pelbagai bangsa dan didominasi oleh tiga kelompok utama iaitu Melayi, Cina dan India. Ketiga-tiga rumpun bangsa ini beramal dengan budaya dan kepercayaan yang berbeza. Keperbedaan ini sebenarnya tidak menghalang mereka untuk tinggal dalam sebuah negara yang sejahtera, dibawah satu kepimpinan meskipun berbeza dalam konteks kepercayaan dan budaya yang diamalkan. Memandangkan kertas kerja ini hanya merujuk kepada nilai etika berasaskan agama-agama yang wujud di Malaysia, maka fokus yang akan menjadi keutamaan perbincangan adalah berkisar kepada penganalisaan nilai agama yang berkaitan dengan persoalan etika dan hubungannya dengan pengurusan. Latarbelakang masyarakat Malaysia akan dikemukakan secara umum bagi menampakkan pengasingan kelompok yang wujud dan bagaimana jalinan etnik berlaku. Namun apa yang lebih penting, bagaimana sistem nilai agama yang diamalkan dapat mempengaruhi pengurusan. Perkara ini akan dibahasakan berpandukan beberapa pendekatan; (i) nilai dan etika yang wujud dalam ajaran agama Islam, Hinduisme dan Buddhism, Kristian dan Kongfusianisme; (ii) persamaan yang wujud dalam konteks nilai antara agama tersebut; dan (iii) mampuan nilai dan etika ini diharmonikan dalam membangunkan sistem pengurusan di Malaysia.

2. Latarbelakang Masyarakat Malaysia

Malaysia adalah sebuah negara masyarakat berbilang kaum meliputi Melayu, Cina dan India.³ Keunikan masyarakat Malaysia ialah walaupun mereka berlatarbelakangkan budaya dan corak hidup yang berlainan, namun mereka hidup dalam keadaan yang harmonis dan aman berlandaskan kepada kebudayaan nasional.⁴ Masyarakat majmuk bermaksud, setiap kelompok memegang agama, budaya dan cara hidup, bahasa serta gagasan-gagasan lain secara tersendiri.⁵ Namun tidak dinafikan, semenjak Zaman Darurat (1948-60), pengasingan antara etnik telah berlaku, dalam ertikata, corak hidup yang berlainan, kegiatan ekonomi

³ Sejak merdeka pada tahun 1957, peratusan penduduk Malaysia mengikut pecahan kaum ialah 50% Melayu, 37% Cina dan 12% orang India dan dari segi komposisi etnik sehingga kehari ini masih lebih kurang sama. Lihat sedikit perubahan yang berlaku sebagaimana perangkaan yang dikeluarkan oleh Jabatan perangkaan Malaysia pada tahun 1995 menunjukkan Melayu 57.4%, Cina 29.4% dan India 9.5%. Lihat Kerajaan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Vol.1, 40.

⁴ Lihat persoalan ini dalam A. Aziz Deraman (1978). *Beberapa Aspek Pembangunan Kebudayaan Kebangsaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, dan bukunya yang lain, *Falsafah dan Pemikiran Dasar kebudayaan Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan; dan lihat juga Ahmad Fawzi Mohd Basri et.al., (1987). *Isu-Isu Perpaduan Nasional*. Kuala Lumpur: Percetakan Seasons Sdn Bhd.

⁵ Sebagai individu, mereka sentiasa bertemu dalam urusan seharian seperti di pasar, berjual-beli dan pelbagai urusan seharian lain. Kehidupan secara bercampuran ini telah melahirkan satu budaya hidup yang sihat, mengurangkan prasangka dan inilah yang menjadi pendorong kepada kejayaan kerajaan membentuk masyarakat Malaysia yang bersatu. Ahli-ahli Sosiologi bersetuju bahawa kemajmukan masyarakat dalam konteks Malaysia hanyalah dalam konteks rumpun bangsa sahaja dan tidak kepada majmuk dalam erti kata yang sebenar. Ini adalah disebabkan setiap kelompok etnik masih mengamalkan nilai-nilai sosial budaya tersendiri. Lihat penjelasan lanjut dalam Wan Hashim Wan Teh (1983). *Race Relation in Malaysia*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books Ltd.; dan lihat juga James P. Ongkili (1985). *Nation Building in Malaysia 1946-1974*. Singapore: Oxford University Press.

yang berbeza, persekitaran berbeza dan jenis-jenis pekerjaan yang berlainan.⁶ Akibat daripada pemisahan kedaerahan, perekonomian dan penempatan ini telah melahirkan satu sentimen yang agak kuat dikalangan masyarakat.⁷

Sehinggalah selepas tragedi 13 Mei 1969, kerajaan telah mula menitikberatkan tentang pengagihan kekayaan dalam bidang perekonomian antara kaum. Pengagihan jenis-jenis pekerjaan antara masyarakat Melayu dan Cina telah banyak diusahakan seperti Dasar Ekonomi Baru yang bertunjangkan kepada membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat secara saksama.⁸ Hasil daripada beberapa dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan maka, masyarakat majmuk Malaysia mula menunjukkan kekuatan perpaduan antara mereka.⁹ Namun pengaruh ini hanyalah terhadap budaya yang bersifat '*conscious*' dan bukan dalam bidang-bidang seperti agama, nilai, sikap dan beberapa pandangan terhadap kepercayaan yang dianuti.

Untuk kepentingan kertas kerja ini dalam melihat jalinan muhibah antara agama pelbagai etnik yang wujud di Malaysia, mungkin beberapa persoalan yang dikemukakan dibawah dapat dijadikan sebagai landasan perbincangan seterusnya, iaitu;

- i) Adakah kelompok etnik Malaysia benar-benar menjadi penganut yang setia kepada agama mereka serta membolehkan mereka berurusan tanpa sebarang prasangka yang boleh menggugat kerjasama antara mereka?;
- ii) Apakah wujud persamaan nilai-nilai kebaikan dalam agama atau kepercayaan antara etnik kaum di Malaysia?;
- iii) Apakah tidak ada titik pertemuan dalam konteks nilai-nilai antara agama dalam urusan kehidupan yang mampu memupuk jalinan muhibbah yang mantap sesama mereka?

Dalam andaian yang dikemukakan tersebut adalah merujuk kepada nilai-nilai keagamaan yang boleh dikongsikan kebanyakannya. Jawapan kepada beberapa andaian yang dikemukakan diatas dapat dijadikan sebagai asas kearah membentuk satu kerangka atau dasar pengurusan kehidupan yang lebih efektif dan dapat diterima oleh semua pihak secara rasional tanpa sebarang prasangka dan sentimen perkauman. Bagi menjelaskan beberapa andaian yang

⁶ Interaksi secara informal dan bersemuka jarang berlaku melainkan dalam aspek perniagaan dan perekonomian tertentu sahaja. Masyarakat Melayu kebanyakannya tinggal dikampung atau di luar bandar, dipinggir pantai dan banyak terlibat dengan aktiviti pertanian dan nelayan. Masyarakat Cina sejak awal-awal lagi tinggal di lombong bijih timah dan apabila berlaku proses perbandaran, berkembangnya pusat bandar dan perindustriaian, menjadikan mereka dengan mudah dapat menyesuaikan diri dan orientasi kehidupan Bandar. Lihat paparan sejarah dan evolusi kemasukan pelbagai etnik dan pembinaan masyarakat majmuk di Malaysia dalam Choo Keng Kun. *Masyarakat Majmuk Semenanjung Malaysia: Evolusi Sejarah*. Dlm. Zuraina Majid (1986). *Masyarakat Malaysia: Tinjauan dan Perbincangan Terhadap Beberapa Isu-Isu dan Topik Semasa*. Pulau Pinang: USM.

⁷ *Ibid.*

⁸ Dasar Ekonomi Baru di perkenalkan oleh kerajaan pada tahun 1970 sebagai langkah segera mewujudkan perimbangan ekonomi antara kaum dengan serampang dua mata; (i) membasmi kemiskinan dan (ii) menyusun semula masyarakat khususnya selepas Tragedi may 1969. Lihat perbincangan detail hal ini dalam Jack Parkinson et.al. (1991). *DEB: Pertumbuhan dan Ketaksamaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.


⁹ Masyarakat Cina sudah mula bertutur dalam bahasa melayu, berpakaian melayu walaupun dalam jiwa mereka masih meanggap diri mereka sebagai orang Cina. Mungkin agama yang menjadi pemisah, namun itu tidak menghalang berlakunya percampuran budaya dan adalah tidak keterlaluan dikatakan, budaya Cina telah dipengaruhi oleh budaya Melayu dan sebaliknya.

dikemukakan tersebut, perbincangan seterusnya diharap dapat membantu menampakkan persamaan nilai yang wujud dalam rangka membina satu model etika yang menyeluruh dan serasi dengan pengurusan Malaysia.

3. Islam dan Masyarakat Melayu

Islam adalah agama yang dominan di Malaysia yang mewarnai kehidupan masyarakat Melayu selepas pertapakan agama Hindu di Tanah Melayu.¹⁰ Islam adalah agama sejagat (*universal*) dan kesejagatan ini adalah terkandung dalam intipati ajaran yang terkandung dalam *al-Qur'an* yang seharusnya menjadi pedoman kepada keseluruhan manusia.¹¹ Asas kewujudan manusia adalah untuk menjadi *khalifah* di mukabumi, memimpin manusia dan alam berasaskan kepada wahyu dan petunjuk *al-Qur'an* dan *Sunnah*. Sumber utama ini bukan sekadar pengarah peribadatan bahkan juga mempunyai petunjuk yang mutlak dalam kehidupan manusia. Oleh yang demikian, umat Islam adalah umat yang berpegang kuat kepada agama samada dalam konteks peribadatan dan kehidupan bermasyarakat. Secara asasnya, kerangka Islam adalah seperti yang tertera dalam **Rajah 1** di bawah, yang menjelaskan hubungan yang wujud dalam tiga dimensi utama Islam iaitu *akidah*, *syariah* dan *akhlak*. Asas kesejagatan inilah yang telah menjadikan Islam telah mampu bertapak dan mewarnai pemikiran masyarakat Melayu dan nilai-nilai Islam ini telah diterjemahkan dalam kehidupan mereka sebagai asas yang kukuh.¹²

Rajah 1: Kerangka Agama Islam



M...
pe...
T/...
Pustaka, M.A. Rauf. 1964. *A Brief History of Islam with Special Reference to Malaysia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, dan lihat juga S.Q Fatimi. (1963). *Islam Comes to Malaysia*, Singapore: Malaysian Sociological Research Institute.

¹¹ Ia adalah agama samawi yang diturunkan oleh Allah melalui perantaraan Nabi Muhammad s.a.w. dengan berbekalkan sebuah al-Qur'an sebagai sumber ajaran agama. Orang Islam akan diikat dengan kepercayaan Enam Rukun Iman dan direalisasikan melalui Lima Rukun Islam yang menjadi tunjang ibadah mereka kepada Allah.


¹² Jika diteliti dalam sejarah penerimaan Islam oleh masyarakat Melayu, maka faktor dalaman Islam itu sendiri telah berjaya menarik ramai masyarakat menerima Islam secara sukarela disamping factor-faktor lain seperti perkahwinan, perdagangan dan sebagainya. Lihat S.Q Fatimi (1963), *op.cit.* h. 25-40.

Oleh yang demikian, masyarakat Melayu dan Islam telah dilihat sebagai sinonim dan kebanyakan persoalan yang berkaitan adat istiadat, politik dan pemerintahan masyarakat Melayu juga telah banyak dipengaruhi oleh Islam. Apa yang jelas dan nyata, segala nilai yang telah diperkenalkan oleh Islam adalah bersifat *universal* dan dapat diterima oleh semua peringkat dan generasi manusia dan mampu beroperasi dalam konteks pelbagai bangsa agama yang terdapat di Malaysia.¹³ Bagi menjelaskan lagi kepelbagaian kepercayaan yang wujud di Malaysia, perbincangan seterusnya akan menekankan persoalan agama dan kepercayaan lain yang berpengaruh dalam masyarakat bagi mencari satu titik penyelesaian dalam persamaan nilai dalam kepelbagaian agama yang wujud.

3. Nilai dan Budaya Buddhisme dan Hinduisme

Agama Buddha dan Hindu adalah kepercayaan yang popular dikalangan masyarakat India dan Cina di Malaysia. Buddhisme adalah agama budaya yang diasaskan di India oleh Siddharta Gautama Buddha, seorang yang kuat berusaha untuk mencapai ketinggian moral dalam kehidupan, mencari keharmonian hidup dengan usahanya sendiri. Falsafah Buddhisme adalah untuk memberikan panduan kepada manusia mengenai kehidupan yang bermaruah dan berasaskan etika kehidupan yang sempurna.¹⁴ Oleh yang demikian, matlamat dalam kehidupan mereka ialah untuk mencapai satu tahap yang dipanggil '*Nirwana*'. Untuk itu, seseorang itu perlulah melepasi 'Empat Kebenaran Mulia' (*Four Noble Truths*) atau tahap penderitaan dalam kehidupan (*circle of suffering*) seperti carta **Rajah 2**. di sebelah.

Rajah 4.3: Empat Kebenaran Mulia (Hinduisme)



kepada berorientasikan agama secara jelas. Lihat perbincangan terperinci perkara ini dalam Auni Abdullah (1991). *Islam dalam Sejarah Politik dan Pemerintahan di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.


¹⁴ Auni Abdullah (1991), *op.cit.* h. 88.

Kebenaran Tentang Sebab-
Musabab Sengsara
(Trisna)

Kebenaran Tentang Cara
Mengatasi **Dukkha** (*The Noble
Eightfold Path*)

Untuk mencapai kepada 'Empat Kebenaran Mulia' tersebut seseorang penganut Buddha perlulah melepasi satu tahap yang disebutkan sebagai 'Jalan Mulia Lapan Lapis' (*The Noble Eightfold Path*).¹⁵ Ini adalah jalan yang terakhir merangkumi lapan perkara dalam usaha mengatasi segala masalah kehidupan seperti dalam **Rajah 3** di bawah. Lapan perkara yang dianjurkan ini adalah selaras dengan kehendak yang dituntut dalam Islam. Perkara ini menampakkan persamaan yang agak nyata dalam tafsiran sesebuah agama. Tiga kelompok moral yang diketengahkan iaitu Akhlak (*Sila*), perkembangan mental (*Samaddi*) dan Kebijaksanaan (*Panna*) adalah kelompok akhlak sosial yang baik dan dapat diterima oleh segenap lapisan masyarakat. Ini bermakna sepatutnya tidak berlaku sebarang 'cultural shock' dalam konteks pemurnian budaya kerja kerana setiap agama menganjurkan kebaikan yang sama.

Rajah 3: Jalan Mulia Lapan Lapis




Bagi memastikan seseorang penganut Buddha itu boleh mencapai ketahap dua perkara diatas, maka perkara asas yang paling utama perlu diberikan perhatian iaitu asas moral utama atau Panca Sila.¹⁶ Sila adalah nilai moral yang baik yang lahir berdasarkan kepada sebab dan musabab dan kesannya sesuatu perbuatan tersebut. Manakala Panca bermaksud lima, membawa erti lima peraturan yang utama sebagai asas kepada perbuatan seseorang yang perlu dihayati. Panca sila adalah asas pendidikan moral yang dapat memupuk dan membina keharmonian dan kesejahteraan dalam masyarakat. Lima perkara utama yang

¹⁵Jalan Mulia Lapan Lapis lahir atas tuntutan untuk membendung kelakuan masyarakat yang menganutnya dengan peraturan yang ketat untuk mencapai tahap kesedaran yang sebenar. Kebaikan akhlak dan moral yang tinggi, disertai dengan perkembangan mental dan pemikiran yang sihat dan sempurna pastinya akan melahirkan kebijaksanaan yang mampu membina masyarakat yang cemerlang. Ini adalah asas utama dalam agama Hindu. Mohd. Yusof Hasan menggunakan kerangka agama ini dalam membentuk pemikiran luhur yang berpaksikan agama dan kerangka ini disesuaikan daripada bukunya(2000), *Pemikiran Sainifik*, Petaling Jaya: Pearson Education Malaysia, h. 65.

¹⁶ Pancasila adalah etika sosial yang amat bermakna kepada masyarakat yang memastikan wujudnya ketenteraman dalam masyarakat. Membunuh, berzina, meminum arak dan sebagainya adalah perkara yang amat dilarang dalam konteks pembangunan agama itu sendiri. *Ibid*.


dimaksudkan ialah; larangan membunuh; bersifat jujur; larangan berzina; larangan meminum arak dan tidak mengkhianati antara satu sama lain. **Lihat Rajah 4.**

Rajah 4: Pancasila



Hasil pemikiran yang dikemukakan ini dalam konteks moral dan nilai dalam kehidupan adalah bersifat sejagat kecuali beberapa perkara yang bersifat penyembahan keagamaan. Apa yang perlu dijelaskan ialah, nilai moral yang dikemukakan sebagaimana dalam pancasila adalah untuk membimbing manusia kearah kebaikan dan keamanan sejagat. Manakala perbezaan antara Buddhism dan Hinduisme adalah dalam perkara yang berkaitan dengan kepercayaan sahaja. Dalam konteks prinsip moral yang diamalkan, terdapat dua bidang yang diklasifikasikan iaitu; *Yamas* – moral diri sendiri; dan *Niyamas* – moral untuk kepentingan masyarakat umum. Ternyata sifat yang dituntut adalah bersifat sejagat dan mempunyai nilai moral (*moral values*) yang sama. Sebagaimana dapat diringkaskan dalam Rajah 5 dan 6;¹⁷


Rajah 5: Yamas



¹⁷ *Ibid*, h. 56.

Yamas adalah merujuk kepada akhlak yang harus dimiliki oleh setiap individu dalam kehidupan sehari-hari. Manakala akhlak yang lebih umum merujuk kepada sifat yang harus dimiliki dalam konteks bermasyarakat dan bernegara, antaranya;

Rajah 6: Niyamas



4. Nilai dan Budaya Kristian

Ajaran Kristianiti adalah bersumberkan kepada *Bible* yang menjadi kitab suci penganut agama Kristian, mengandungi '*Old Testament*' dan '*New Testament*'.¹⁸ Kedua-dua lembaran ini mengandungi system nilai dan etika yang tersendiri yang berkaitan dengan kehidupan. Dalam konteks perbincangan ini, hanya sistem nilai dan etika yang berkaitan sahaja yang akan dikemukakan merangkumi '*The Ten Commandments*' dalam *Old Testament* dan Akhlak kehidupan seharian dalam *New Testament* dan dalam ringkasannya dapat dikelaskan seperti berikut;


- (a) *The Ten Commandments* mengemukakan sepuluh nilai moral yang mesti dihayati oleh penganut Kristian antaranya;
- i) Mempercayai Trinity (Konsep *Son of God, Father of God* dan Ruhul Qudus
 - ii) Tidak menyembah patung atau berhala yang menyerupai objek dilangit dan dibumi;
 - iii) Tidak menyebut nama Tuhan secara sembarangan;
 - iv) Tetaplah ingat dan mensucikan hari Sabath;
 - v) Menghormati ayah dan ibu;
 - vi) Jangan membunuh;
 - vii) Jangan berzina dan melakukan maksiat;
 - viii) Jangan mencuri;
 - ix) Jangan berdusta;
 - x) Jaga hak jiran dan Hak orang lain.

¹⁸ *Ibid*, h. 67

Sepuluh perkara yang dikemukakan ini adalah arahan suci kristian yang mesti ditaati oleh penganutnya.

(b) Nilai-nilai dalam kehidupan seharian seperti terkandung dalam *New Testament* adalah seperti dalam Rajah 7 di bawah.¹⁹

Rajah 7: Nilai Kehidupan Seharian (*The New Testament*)



Apabila di lihat secara terperinci, nilai keagamaan yang berkaitan dengan kehidupan yang diketengahkan dalam kristian juga menyamai nilai yang terdapat dalam ajaran agama Buddha dan agama yang dibahaskan sebelum ini.

5. Nilai dan Budaya Confucianisme

Pembentukan pemikiran masyarakat dan tamadun Cina adalah banyak diwarnai oleh falsafah etika dan kehidupan yang dipelopori oleh Kung Fu Tze (551-479 BC). Terdapat dua fokus utama dalam membahaskan persoalan etika dan kehidupan yang dikemukakan oleh Confucius, iaitu; Lima Kebaikan (*Five Virtues*); dan Lima Hubungan (*Five Cardinal Relations*). Sebagaimana juga dalam falsafah etika agama yang dibincangkan sebelum ini, lima kebaikan adalah merujuk kepada sifat-sifat yang perlu dimiliki oleh setiap individu dan bersifat pedoman dalam kehidupan. Manakala lima hubungan sterusnya adalah merujuk kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan hubungan kemasyarakatan dan bernegara.

i) Lima Kebaikan (*Five Virtues*)

¹⁹ *Ibid.*

Lima kebaikan yang dimaksudkan ialah *Ren*, iaitu peringkat tertinggi dalam kehidupan dan standard moral yang mutlak. *Ren* membawa maksud perikemanusiaan yang merangkumi beberapa perkara seperti berikut;²⁰


- (a) Bersopan santun (*courtesy*): kesopanan dan ketinggian budi seseorang menjadikan dia dihormati dan dihargai.
- (b) Hati terbuka (*breadth*): berlapang dada dan mendengar pandangan orang lain dalam melakukan sesuatu.
- (c) Kebolehpercayaan (*good-faith*): kejujuran dan sifat amanah yang terpuji.
- (d) Ketekunan (*diligence*): Lambang kepada kejayaan dalam setiap lapangan kerjanya.
- (e) Bersifat lemah lembut (*clemency*).

Sifat *Ren* perlu bermula dan bertapak dalam diri seseorang dan kemudian ia akan mewarnai kehidupannya dan memungkinkan ia mampu menyelesaikan segala masalah dalam kehidupannya. Hasilnya, menjadikan seseorang itu lebih bersedia untuk berhadapan dengan masyarakat. Antara sifat sampingan lain yang diutamakan dalam *Ren* juga seperti berani (*Courageous*), bijaksana (*wise*) dan berperikemanusiaan. Kebaikan kedua ialah; *Li* (*propriety*), sifat ini mewakili prinsip etika yang utama dan norma-norma kehidupan yang melibatkan adapt resam, upacara, peribadatan dan sistem politik dan pemerintahan. Kebaikan ketiga ialah; *Yi* (*righteousness*) ditafsirkan melakukan sesuatu secara betul (*right conduct*) dan persoalan moral yang berpandukan kepada kejernihan hati. Melakukan yang terbaik dan meninggalkan perbuatan yang keji. Kebaikan keempat ialah; *Zhi* (*wisdom*), kehebatan dan kebijaksanaan manusia dalam melakukan sesuatu, menjaga hubungan sesama masyarakat. Sifat ini penting untuk memahami *Yi* dan mengamalkan *Li*. Menjaga hubungan baik antara orang bawahan dan atasan. Dan sifat kebaikan yang terakhir ialah; *Sin* (*truthworthiness*), kebolehpercayaan dan diamalkan dalam semua aspek kehidupan manusia.

ii) Lima Hubungan (*Five Relations*)

Wu Lun adalah lima hubungan asas manusia yang merangkumi hubungan antara pemerintah dengan menteri, anak dengan bapa, abang dengan adik, suami dan isteri dan hubungan sesama kawan.²¹ Orang yang lebih tua mempunyai hak yang lebih keatas yang lebih muda berdasarkan kepada peraturan etika yang betul. Kelima-lima hubungan ini dapat dijelaskan Rajah 8 di bawah;

Rajah 8: Lima Hubungan Asas Manusia (*Wu Lun*)



²¹ Lihat penjelasan hubungan ini secara terperinci dalam Mohd Yusuf Hassan (2000), h. 71-73.

HUBUNGAN ANTARA KAWAN – Beasaskan kepada sifat Xin dan Cheng iaitu ikhlas dan jujur antara kedua pihak.

Penekanan yang diberikan oleh Confucius terhadap lima hubungan yang menjadi asas sesebuah masyarakat dan negara diatas adalah amat penting dalam konteks ;

- a) membina hubungan yang baik sesama manusia tanpa mengira pangkat dan kedudukan manusia;
- b) mewujudkan hubungan kasih sayang yang berpanjangan sesama manusia yang berasaskan kejujuran dan amanah;
- c) mendidik manusia supaya saling menghormati antara satu sama lain dan bertanggungjawab.

Idea yang dikemukakan ini tidak dapat tidak merupakan asas yang amat penting dalam membina dan membangunkan pengurusan dan kehidupan manusia kearah yang lebih cemerlang. Tegasnya, kepelbagaian agama dan sistem kepercayaan dalam masyarakat Malaysia sekiranya difahami dan dihayati secara mendalam, pastinya tidak akan menimbulkan sebarang perkara yang buruk khususnya dalam konteks kepercayaan, amalan kehidupan dan budaya dan sebagainya. Semua agama menggariskan satu sistem etika yang unik dan mengarahkan kepada kebaikan, namun sekiranya nilai yang dikemukakan sahaja baik tapi tidak dilaksanakan, maka ianya hanya akan kekal sebagai ajaran yang tidak membantu kearah kebaikan manusia. Secara keseluruhannya, nilai yang dikemukakan dalam agama sememangnya mempunyai persamaan, mencegah keburukan dan menyeru kepada kebaikan sebagaimana yang menjadi teras agama Islam.

6. Persamaan Nilai Dan Budaya Pengurusan Masyarakat Malaysia

Manusia adalah makhluk yang terbaik dan mulia di ciptakan oleh Tuhan di atas mukabumi ini.²² Keunikan ini terjelma dalam kepelbagaian kebudayaan agama dan kepercayaan yang dianuti. Manusia dikurniakan Pencipta dengan akal dan naluri yang sempurna untuk menguruskan kehidupan dan menguasai alam ini untuk kepentingan kehidupan mereka. Namun apa yang jelas, menurut fitrahnya bahawa manusia adalah berkehendakkan kepada agama sebagai landasan kehidupannya dan kesudahannya. Perkara ini terbukti apabila sekiranya manusia menolak kepercayaan agama Samawi, maka mereka akan berpegang kepada kepercayaan agama Budaya yang diasaskan oleh pelopor-pelopor tertentu.²³ Naluri manusia dengan perasaan cemas, takut dan ragu-ragu adalah dorongan utama kearah tercetusnya pemikiran beragama. Dengan kata lain, agama lahir adalah hasil dari keresahan manusia dan ketegangan yang dihadapi dan disinilah perlunya agama dalam kehidupan manusia. Keinginan manusia untuk hidup dalam keadaan aman damai, makmur dan bencikan keganasan adalah asas utama yang dipupuk dalam nilai yang dibekalkan oleh

²² *Al-Qur'an*, Surah al-Tiin, 4.

²³ Agama Samawi adalah agama yang datang dari Tuhan seperti Islam, Kristian, Yahudi manakala agama budaya diasaskan oleh tokoh-tokoh tertentu berdasarkan keadaan sesuatu masyarakat dan antara yang termashur seperti Buddha, Hindu, Confucius dan sebagainya. Namun tokoh tokoh pemikir di Barat menyimpulkan agama yang besar ini sebagai 'agama dunia' dan mereka mempunyai sejarah yang tersendiri. Lihat Max weber (1997), '*Beberapa Perkara Tentang Agama Dunia*' dlm. R. Robertson (ed). *Agama dalam Analisis dan Interpretasi Sosiologi*, Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 5.

agama.²⁴ Oleh yang demikian, bagi mencari persamaan, perbincangan yang dikemukakan sebelum ini yang berasaskan kepada nilai akhlak dan moral agama yang menjadi tunjang kepada gerak kerja dan budaya kehidupan manusia keseluruhan, sebenarnya adalah asas yang disepakati dan universal dan mampu menjadi penggerak pembangunan pengurusan.

Berasaskan perbincangan tersebut, kesimpulan awal dapat dibuat ialah, kepelbagaian agama dan budaya sebenarnya bukan alasan untuk mengandaikan masyarakat majmuk sebagai punca kepada kegagalan penerimaan kerangka budaya berasaskan agama dalam pengurusan di Malaysia. Apa yang telah dibuktikan disini ialah, setiap budaya mempunyai kekuatan yang tersendiri dalam memandu masyarakat kearah pembangunan mapan. Pegangan agama yang kukuh dengan sistem nilai dan etika yang mantap akan memastikan sesebuah masyarakat akan membangun dalam konteks yang berpedoman. Sebenarnya, budaya dan agama adalah bertindak sebagai faktor pendesak yang kuat kearah kemajuan dan pembangunan. Oleh yang demikian, pembentukan sesuatu model atau kerangka budaya kerja yang berasaskan agama akan menjadi mudah diterima oleh semua rumpun bangsa dan anggota masyarakat. Namun perkara tersebut bukanlah suatu yang mudah untuk dipraktikkan dalam masyarakat majmuk, maka beberapa perkara perlu difikirkan;

- (i) Sejauhmanakah penganut-penganut agama yang pelbagai di Malaysia faham, yakin dan dapat menerima etika dan budaya kerja yang diketengahkan dalam ajaran agama seterusnya menjadikannya sebagai paksi dalam kehidupan?
- (ii) Sejauhmanakah anggota masyarakat tersebut dapat menerima etika dan budaya kerja asing walaupun dikatakan bersesuaian dengan agama yang dianuti?
- (iii) Bagaimanakah sesuatu idea pembaharuan tersebut, yang melibatkan semua budaya dan agama dapat dilaksanakan dan mampukan Islam menjadi teraju utama dalam proses penggubalan dan pelaksanaan dasar tersebut?

Persoalan yang dikemukakan ini memerlukan satu kajian yang menyeluruh bagi memperlihatkan keunggulan nilai agama Islam itu sendiri yang mampu menjadi tunggak kepada kecemerlangan pengurusan.

Kesimpulan

Malaysia telah mengalami sejarah penjajahan yang panjang dan dijajah oleh beberapa kuasa besar seperti Jepun, British dan sebagainya. Setiap penjajah mempunyai misi dan visinya tersendiri menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang unik, didiami oleh kepelbagaian bangsa dan budaya yang dapat hidup dengan aman dan damai. Hasil perbincangan yang telah dikemukakan diatas, ternyata bahawa kepelbagaian bangsa, agama dan budaya sebenarnya bukan penghalang kepada rakyat Malaysia untuk tinggal bersama sebaliknya mereka dapat berkongsi beberapa perkara yang menjadi tunjang kepada perpaduan kaum. Idea-idea untuk pembangunan pengurusan yang bermoral adalah dituntut oleh semua bangsa, budaya dan agama didunia. Cuma penerimaan mereka terhadap sesuatu yang asing itu mungkin memerlukan pendekatan yang bersistem.

Masyarakat hari ini telah didedahkan dengan konsep dualisme dalam sistem kepercayaan, antara kepercayaan dan kehidupan keduniaan, dan fenomena inilah yang menyebabkan lahirnya kefahaman sekularisme dalam masyarakat. Agama hanya diperlukan khusus hanya

²⁴ Persamaan ini sebenarnya telah membuktikan bahawa fitrah kejadian manusia adalah sama melibatkan perasaan, naluri dan pemikiran, cuma warisan kepercayaan dan persekitaran yang telah membezakan antara mereka, menjadikan mereka sebagai kelompok yang mendiami dunia dengan pelbagai prinsip agama dan kebudayaan.

dalam perkara yang berkaitan dengan persoalan peribadatan semata dan ditolak dalam urusan kehidupan seharian. Pandangan sekular inilah telah membantutkan perkembangan nilai agama itu sendiri dalam pemikiran manusia. Apa yang dilihat di barat dinilai sebagai suatu yang terbaik sebaliknya sistem akhlak dan etika yang dikemukakan dalam agama sendiri dipertikaikan.

Apa yang telah dibuktikan disini ialah, setiap agama dengan sistem nilai dan etika yang mantap akan memastikan sesebuah masyarakat akan membangun dalam konteks yang berpedoman. Sebenarnya, budaya dan agama adalah bertindak sebagai faktor pendesak yang kuat kearah kemajuan dan pembangunan sesebuah negara.

BIBLIOGRAFI

Abd.Aziz Deraman (1978). *Beberapa Aspek Pembangunan Kebudayaan Kebangsaan malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

_____ *Falsafah dan Pemikiran Dasar kebudayaan Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan.

Ahmad Fawzi Mohd Basri et.al., (1987). *Isu-Isu Perpaduan Nasional*. Kuala Lumpur: Percetakan Seasons Sdn Bhd.

Auni Abdullah (1991). *Islam dalam Sejarah Politik dan Pemerintahan di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise

Choo Keng Kun. *Masyarakat Majmuk Semenanjung Malaysia: Evolusi Sejarah*. Dlm. Zuraina Majid (1986). *Masyarakat Malaysia: Tinjauan dan Perbincangan Terhadap Beberapa Isu-Isu dan Topik Semasa*. Pulau Pinang: USM

Dasar Dasar Utama Kerajaan Malaysia. INTAN, Kuala Lumpur

Jack Parkinson et.al. (1991). *DEB: Pertumbuhan dan Ketaksamaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

James P. Ongkili (1985). *Nation Building in Malaysia 1946-1974*. Singapore: Oxford University Press

M.A. Rauf. 1964. *A Brief History of Islam with Special Reference to Malaysia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Max weber (1997), 'Beberapa Perkara Tentang Agama Dunia' dlm. R. Robertson (ed). *Agama dalam Analisis dan Interpretasi Sosiologi*, Dewan Bahasa dan Pustaka

Mohd. Yusof Hassan (2000), *Pemikiran Saintifik*, Petaling Jaya: Pearson Education Malaysia
S.Q Fatimi. (1963). *Islam Comes to Malaysia*, Singapore: Malaysian Sociological Research Institute.

Syed Muhammad Naquib al-Attas. 1969. *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesia Archipelago*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wan Hashim Wan Teh (1983). *Race Relation in Malaysia*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books Ltd..